

Dr M: Tak ada jemputan khas sertai UMNO

BANTING, Ahad — UMNO tidak akan membuat jemputan khas kepada mana-mana golongan termasuk ahli-ahli PAS untuk menjadahi ahli UMNO, kata Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad.

Lagi pun tegas Perdana Menteri, kalau jemputan khas ini dibuat, mereka nanti akan meminta diberi layanan istimewa lebih dari ahli-ahli UMNO biasa.

Di samping itu, tambah beliau, "Kita tidak mempunyai wang banyak untuk membuat kad jemputan khas dengan bertuliskan 'tinta emas' semata-mata untuk menjemput secara rasmi ahli PAS masuk UMNO," katanya ketika merasmikan Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Kuala Langat di Dewan Sri Jugra di sini hari ini.

Golongan ini nanti, ujar Presiden UMNO itu, akan menyatakan, "bukan aku yang mau masuk UMNO, tetapi UMNO yang menjemput aku jadi ahli."
"Golongan ini tidak ada tempat dalam UMNO kerana ahli-ahli UMNO yang ada sekarang juga tidak mendapat atau diberi layanan istimewa," tegas Datuk Seri Dr. Mahathir.

Menolak pelawaan

Beliau menambah, dalam politik tidak ada kad atau jemputan khas dibuat untuk menjemput mana-mana golongan menyertai sebarang parti, tetapi pelawaan itu hanya dibuat dalam ucapan-ucapan terbuka.

"Sekiranya mereka menunjukkan reaksi menolak pelawaan yang dibuat dalam ucapan terbuka, maka kita tidak akan membuat jemputan khas, sebaliknya kalau mereka menerima

kita boleh berunding," kata beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kalau parti PAS enggan menyertai Barisan Nasional, tidak mengapa, tetapi ahli-ahli PAS masih boleh masuk menyertai UMNO.

Perdana Menteri menegaskan, menyedari orang Melayu masih lemah terutama dalam bidang ekonomi, maka UMNO berhasrat menyatu padukan seluruh orang Melayu di negara ini.

"Tetapi malangnya terdapat segolongan orang Melayu menolak hasrat dan cita-cita murni kita ini, terutama dari mereka yang menganggotai parti PAS," katanya.

Tujuan UMNO mengundang ahli-ahli PAS menyertai UMNO, tambah beliau, kerana mereka telah dikelirukan dan hilang haluan di sebabkan tindak-tanduk pemimpin

mereka.

Kerana para pemimpin PAS iri hati melihat kejayaan yang dicapai oleh UMNO serta tidak ada apa-apa untuk menentang UMNO, mereka memilih UMNO sebagai musuh serta memperalakan agama Islam.

"Tindak-tanduk yang dilakukan oleh para pemimpin PAS telah menimbulkan berbagai masalah dan kecacauan di kalangan umat Islam di negara ini," tegas beliau.

UMNO katanya, merupakan parti Islam terbesar di negara ini serta yang ketiga besarnya di dunia dengan keahlian 750,000 orang.

"Kita tidak boleh berikap marah terhadap ahli-ahli PAS yang kelihatan baik, sebaliknya kita ingin mereka samsam-kembali menyertai perjuangan kita semula."

Kata Perdana Menteri, menurut beliau, semasa PAS dalam Barisan Nasional pemimpinnya diberi berbagai kemudahan dan kedudukan dengan memenangi kerusi di Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka kerana sokongan kuat UMNO tetapi balasan yang diterima sewaktu mereka menyertai kerajaan hanyalah mencari jalan melemahkan UMNO.

Disingkir

Perdana Menteri berkata, kalau dulu PAS tidak mempunyai ranting-rantingnya di tempat-tempat tertentu, para pemimpinnya termasuk bekas Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah, Datuk Haji Mohd. Asri menggunakan kemudahan kerajaan untuk menubuhkan ranting-ranting PAS di Rancangan FELDA dan sebagainya untuk melemahkan UMNO.

Katanya, PAS hari ini mengancam UMNO menggunakan kemudahan kerajaan, tetapi PAS sebaliknya telah berbuat demikian semasa dalam Barisan Nasional sehingga parti itu dapat berkembang ke Johor dan akibatnya mereka disingkir dari Barisan Nasional.

Beliau mengingatkan, perjuangan UMNO belum tamat, orang Melayu hingga ini masih belum berjaya mencapai tahap yang diharapkan kerana itu perpaduan seluruh bangsa Melayu diperlukan.

"Kerana dengan bersatu padu sahajalah lambat laun kita akan mencapai kejayaan segala hasrat dan cita-cita kita," tegas beliau.

TerDAHULU dari itu beliau dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Haqimah Haji Ali diberikannya sambutan meriah oleh ahli-ahli UMNO bahagian itu semak sahaja sampai di Stadium Jugra dengan helikopter.

No. Siri 2938
No. Penerimaan 68385
/